
Title	Pemikiran kritis: Satu perbandingan antara sikap dan keupayaan
Author	Kamsiah Abdullah
Source	<i>Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu / Indonesia, Medan, Indonesia, 8 – 12 Desember 1996</i>

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

**PEMIKIRAN KRITIS: SATU PERBANDINGAN
ANTARA SIKAP DAN KEUPAYAAN**

Dr Kamsiah Abdullah

KOLOKIUUM BAHASA DAN PEMIKIRAN MELAYU / INDONESIA

**KERJASAMA UNIVERSITAS DI SEGI TIGA UTARA
DALAM BIDANG BAHASA**

8 - 12 Desember 1996

**FAKULTAS SASTRA UNIVERSITAS SUMATRA UTARA
MEDAN - INDONESIA**

PEMIKIRAN KRITIS: SATU PERBANDINGAN ANTARA SIKAP DAN KEUPAYAAN

Dr Kamsiah Abdullah
Singapura

1. Pendahuluan

Sikap merujuk kepada perkara yang afektif, yang bersabit dengan perasaan atau sesuatu yang dirasa dalam jiwa. Sikap biasanya dapat menentukan perilaku seseorang, umpamanya seseorang yang bersikap positif terhadap sesuatu perkara atau mungkin cenderung untuk melakukan sesuatu yang sejajar dengan aliran sikapnya itu dan mungkin menjauhi perkara yang bertentangan dengan perasaan dan kecenderungannya.

Keupayaan pula ialah kebolehan diri dalam membuat atau menangani sesuatu, dan ini lebih mudah dilihat hasil tindakannya dari melalui sikap itu. Orang yang berupaya atau mempunyai kemampuan dalam sesuatu perkara atau tugas dapat memperlihatkan keupayaan yang tinggi dalam melakukannya, sementara yang tidak ada keupayaan atau kebolehan mungkin hanya berdaya melakukan sesuatu itu pada tahap yang lebih rendah.

Sikap diukur melalui satu garis-terus dari positif ke negatif. Keupayaan berkait rapat dengan pencapaian yang merujuk kepada hasil dari proses berfikir secara kritis. Pencapaian dan keupayaan ini boleh ditanggap sebagai satu kontinum dari tinggi sehingga rendah. Kedua-dua sikap dan keupayaan ini sebagai dua konstruk yang berbeza akan dibanding dalam satu konstruk lain pula iaitu pemikiran kritis.

Pemikiran kritis merujuk kepada satu daripada komponen pemikiran iaitu kemahiran menilai dan mempertimbang sesuatu perkara atau persoalan secara keseluruhannya dengan saksama, tanpa terburu-buru membuat penilaian atau keputusan (judgment). Sikap atau kecenderungan terhadap pemikiran kritis merujuk kepada perasaan seseorang terhadap perlakuan atau cara berfikir dan bertindak secara kritis.

2. Tinjauan tentang faktor yang mempengaruhi pemikiran kritis

Dari begitu banyak faktor yang boleh mempengaruhi pencapaian dalam kemahiran berfikir, faktor-faktor sikaplah yang telah dikaji dengan begitu meluas. Penyelidikan-penyelidikan sejak tahun 1940-an secara konsisten, telah menunjukkan bahawa sikap seorang pembaca terhadap sesuatu topik, pendapat mereka yang terdahulu (preconceived) dan segala prasangka dan buruksangka mempengaruhi keupayaan mereka untuk membaca secara kritis.

Misalnya, awal lagi, pada tahun 1948, Crossen yang menyelidiki pelajar Amerika dalam Gred 9 dan 10 sikap terhadap orang-orang Jerman dan orang-orang berkulit hitam mempengaruhi pandangan dan respons mereka dalam pembacaan teks tentang kedua hal kumpulan ini, yang berlaku ketika sebelum Perang Dunia yang Kedua.

Penyelidikan Piekerz (1967), Kemp (1967), Groff (1967), Wolf, King dan Huck (1968) semuanya dapat menunjukkan pentingnya faktor sikap dengan keupayaan berfikir secara kritis. Walaupun hasilnya menunjukkan memang terdapat pertalian yang signifikan, tetapi perhubungan ini tidaklah besar.

Pertalian antara pencapaian dan sikap biasanya erat dan positif, sikap yang positif akan menghasilkan pencapaian yang tinggi dan begitulah sebaliknya. Bagaimana pula keadaannya dengan pemikiran kritis?

Persoalan ini akan dibincang melalui dua penyelidikan yang diukur melalui dua jenis ujiantara yang distandardisasikan di kalangan siswa-siswi Melayu di sekolah-sekolah Menengah Singapura. Tetapi sebelum itu perbincangan tentang sikap kritis dalam budaya Melayu akan dibincang.

3. Sikap Kritis dalam Budaya Melayu dan Barat

Sebagaimana terdapat dalam masyarakat Asia pada umumnya, dalam budaya Melayu lama, sikap bebas berfikir secara tersendiri dan pemikiran kritis tidak diutamakan sebagai nilai peribadi yang harus dipelihara dan dipupuk sebagai satu perilaku yang baik. Sebaliknya nilai-nilai kekumpulan seperti bantu-membantu antara satu sama lain, bergotong-royong dan menghindari pertelingkahan, hormat-menghormati amat dipentingkan. Untuk kesejahteraan kelompok, peraturan dan undang-undang negara yang dicerminkan melalui kuasa raja atau pemerintah amat disegani. Raja menuntut ketaatan dan kesetiaan dari rakyat. Golongan pembesar meminta ketaatan dan konformi dari anak-buah dan seterusnya ketua keluarga, khususnya ibu bapa, menuntut kepatuhan daripada anak-anak; dan begitulah seterusnya.

Pemerhatian ini dapat dilihat melalui bahasa Melayu iaitu cerminan kebudayaan Melayu, di mana perkataan-perkataan yang berkaitan dengan perilaku berfikir, khususnya pemikiran kritis, amat sedikit; perkataan yang ada seperti *fikir, ingat, rasa, percaya, taakul, akal, rasional, kritikal* yang berkenaan dengan pemikiran, kebanyakannya berasal dari bahasa Arab atau Inggeris. Yang paling menonjol ialah ketiadaan perkataan Melayu yang dapat melahirkan konsep 'kritikal' atau 'kritis'.

Begitu juga dalam peribahasa, kiasan dan perumpamaan, amat sedikit diutarakan sikap yang kritis ini sedangkan nilai berbudi pekerti yang baik, bekerjasama, bermusyawarah, jujur, taat setia dan lain-lain tersirat dengan banyaknya dalam peribahasa Melayu. Begitu juga dalam hal kritikan sastra yang hanya mula wujud sebagai satu genre pada kurun ke 20 ini akibat dari pendedahan secara langsung kepada sastra Barat atau secara tidak langsung, melalui tangan kedua iaitu melalui karya sastra Indonesia.

4. Pemikiran kritis dan Hadith

Ajaran Islam sendiri, pegangan yang mendasari hampir semua aspek kehidupan masyarakat Melayu, menggalakkan pemikiran yang wajar dan rasional dalam mencari penyelesaian dan dalam amalan hidup sehari-hari. Contohnya boleh didapati dari penelitian hadith, di mana pendekatan yang kritis perlu diambil untuk menelaah hadith yang sah dan palsu, dengan mengenalpasti hadith yang khusus atau umum sifatnya, yang bersifat sementara atau abadi dan yang bersifat partikular atau universal.

Secara kritis harus dibezakan di antara sarana hadith yang berubah-ubah dan tujuan serta sarana yang tepat supaya pemahaman hadith tidak menjadi sempit dan dengan itu sejalan dengan tujuan syaria'at Islam itu sendiri. Harus dapat dibezakan antara ungkapan yang bermakna sebenar dan yang bersifat majaz atau metaphor seperti yang dinyatakan oleh Muhibbin 1996:

Bentuk metafor ini meliputi lughawi, aqli, istiarah dan kinaayah serta berbagai ungkapan lain yang tidak menunjukkan makna sebenar secara langsung, namun hanya dapat difahami dengan berbagai indikasi yang menyertainya, baik yang bersifat tekstual maupun kontekstual.

Jelas bahawa tingkat keserjanaan yang tinggi dalam penelitian hadith yang bersifat kritis itu tidak kalah dengan keserjanaan saintifik Barat dalam penyelesaian masalah kehidupan itu sendiri. Malangnya pendekatan kritis ini belum lagi membudaya dalam masyarakat Melayu setempat mungkin kerana ditindih oleh rasa kurang senang mempersoal pendekatan tradisi yang mungkin sudah mapan dan biasa dilakukan berkurun-kurun. Juga, rasa hormat dan taat yang diberi kepada orang-orang yang dimuliakan - kepada mereka yang lebih tua, lebih-lebih kepada pemimpin agama dan masyarakat menyebabkan pemikiran kritis tidak dapat dilakukan secara yang spontan dan meluas, oleh itu

segala bentuk pemikiran kritis ditekan ke dalam lubuk sanubari sehingga tidak terserlah sebagai sifat dan sikap manusia yang kritis - sehingga yang ketara ialah sifat penurut atau penerima sahaja.

(Kamsiah 1996 b)

5. Pernyataan Masalah

Pada asasnya pemikiran kritis telah wujud dalam diri kanak-kanak yang sering merasa keliru dan mempersoal perkara yang diluar pemikiran logik mereka – contohnya sesorang kanak-kanak kecil Indonesia apabila melihat suatu perarakan rintihan untuk seorang Cina ‘yang kembali pada Tuhannya’ di jalanraya yang dilakukan dalam bahasa Cina bertanya: Adakah Tuhan itu mengerti bahasa Cina?¹

Saya juga banyak menemui peristiwa yang menunjukkan bahawa sifat kritis itu memang wujud dalam diri kanak-kanak Melayu. Misalnya apabila selesai menonton cerita Batu Belah Batu Bertangkup, seorang kanak-kanak mempersoalkan mengapa ibu yang kempunan ikan tembakul itu masuk ke dalam gua batu dan meninggalkan anak-anaknya yang masih kecil, tidakkah hal kempunan itu perkara kecil yang boleh dimaafkan?

Apabila kanak-kanak membesar konvensi dan tekanan dari masyarakat sekeliling cenderung membuatnya melakukan perkara-perkara yang disukai oleh masyarakat dan menghindari perkara yang tidak disukai; dan dalam hal inilah kadang-kadang sikap kritis ditekan atau sekurang-kurangnya tidak dipupuk dengan sewajarnya. Sistem persekolahan dan guru-guru juga menuntut ketaatan dan kadang-kadang tidak melayani pertanyaan yang kritis dari murid-murid secara yang wajar.

Sosialisasi dan pendidikan banyak mengubah pandangan sesebuah masyarakat - masyarakat Melayu juga banyak menimba dan menerap budaya moden yang datang dari Barat secara langsung maupun tidak langsung. Walaupun dalam sekitaran rumah tangga dan kejiwaan sikap kritis tidak digalakkan, namun dalam sistem sekolah-sekolah sekular asas pemikiran kritis mungkin diajar atau diterapkan dalam kebanyakan mata pelajaran. Dengan lain perkataan mereka dididik untuk menjadi orang-orang yang berfikir - berfikiran secara wajar, kreatif dan kritis dalam menyelesaikan masalah hidup yang kian berubah dan mencabar.

¹ contoh ini dikemukakan oleh seorang peserta suatu simposium di Yogyakarta pada bulan Oktober 1996.

Untuk berfikir secara kritis, seseorang perlu menilai perkara yang menjadi sasaran itu, dan penilaian mestilah melibatkan suatu kriteria atau ukurata yang berdasarkan pada pengetahuan tentang perkara khusus itu. Dalam hal ini, mungkin keupayaan berfikir berbeda dengan sikap kritis yang merupakan kecenderungan mempersoal dan tidak menerima sesuatu bulat-bulat tanpa penelitian. Sikap boleh hadir tanpa kebolehan atau keupayaan kritis yang bergantung pula kepada keupayaan am dan pengetahuan latar tentang perkara yang dinilai itu.

6. Tiga Penelitian

Oleh itu kedua-dua konstruk sikap dan keupayaan kritis mempunyai persamaan dan juga perbezaan. Dalam makalah ini akan dibentangkan pengukuran kedua-dua trait ini iaitu khususnya berkenaan dengan

- 1) sikap kritis dan
- 2) keupayaan berfikir secara kritis yang digambarkan melalui pembacaan secara kritis, dan
- 3) analisis pertalian antara kedua trait di atas.

Sikap terhadap pemikiran kritis diukur melalui alatuji yang direka penulis, yang dinamakan Inventori Disposisi Terhadap Pemikiran Kritis (Critical Thinking Disposition Inventory), ringkasnya IDTPK. Keupayaan kritis diukur melalui ujiantara yang dinamakan Ujiantara Membaca dan Berfikir Secara Kritis yang telah diulangkaji (RMLCRT) yang direkabentuk penulis pada tahun 1994. Analisis pertalian antara keduanya pula akan menggunakan sampel contohan yang lebih kecil, terdiri dari pelajar-pelajar yang memberi respon pada kedua-dua ujiantaradan juga data-data peribadi. Sampel yang dipilih ialah di kalangan pelajar-pelajar Melayu di sekolah-sekolah Menengah di Singapura, kerana diandaikan bahawa golongan pelajar ini mencerminkan golongan masyarakat Melayu yang terkini.

7. Sikap atau Kecenderungan Terhadap Pemikiran Kritis

Berfikiran kritis selalu dikaitkan dengan berfikiran secara rasional, wajar dan bijaksana. Orang yang berfikiran kritis ditakrifkan sebagai orang yang tidak hanya menerima sesuatu kenyataan atau maklumat dengan begitu sahaja tanpa terlebih dahulu menimbangkan perkara tersebut semasak-masaknya. Misalnya mereka menyelidiki dahulu kesahan dan kebolehppercayaan sesuatu hujah, mereka meneliti adakah unsur tambah-menambah berlaku kepada sesuatu fakta itu, selain dari menilai sama ada fakta yang dikemukakan itu benar dan boleh dipercayai. Pendeknya mereka menimbangkan sesuatu kesan dan akibat secara saksama, cuba mengelakkan prasangka atau buruk sangka sebelum membuat sesuatu kesimpulan atau penilaian. (Kamsiah 1996)

Dalam alat ujian Inventori Disposisi Terhadap Pemikiran Kritis (IDTPK) yang mengandungi 38 butiran, sikap atau kecenderungan kritis diandaikan meliputi kecenderungan yang disenaraikan di bawah.

- . untuk menyoal kenyataan
- . meneliti kesahan (authenticity)
- . menyoal tentang kerelevanan (relevancy)
- . untuk menyoal kesempurnaan (completeness)
- . menyoal tentang motif penulis
- . menyelidiki kebenaran
- . untuk mencari akibat dan kesan


- meneliti sebab dan akibat
- meneliti keserongan atau berat sebelah
- untuk menyoal kenyataan yang cuba mempengaruhi
- meneliti unsur-unsur pengiklanan
- mempertimbang kenyataan yang bertentangan
- membandingkan maklumat faktual dan palsu, atau kurang betul

(Kamsiah 1994)

Ujian antara IDTPK ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi (Alpha .90)

8. Sampel IDTPK

Jumlah dan taburan sampel diturunkan dalam gambarajah di bawah.




Jadual 1
Peratus Sampel Menurut Tingkatan dan Aliran

<u>Tingkatan</u>	<u>Normal</u>		<u>Ekspres</u>	
	<u>Nombor</u>	<u>Peratus</u>	<u>Nombor</u>	<u>Peratus</u>
Sec 1	159	25.1%	104	26.7%
Sec 2	145	22.9%	108	27.8%
Sec 3	151	23.8%	99	25.4%
Sec 4	76	12.0%	78	20.1%
Sec 5	103	16.2%	-	-
Jumlah	634	62.0%	389	38.0%

Terdapat 1093 pelajar yang terdiri dari 53.78% perempuan dan 46.2% lelaki dari kedua-dua aliran Normal dan Ekspres yang memberi respons. Daripada angka ini, 46.22% dan 55.1% daripada pelajar Ekspres dan Normal masing-masing. Lebih banyak lelaki dalam aliran Normal, iaitu 66.9% (ini menunjukkan keadaan sebenar perangkaan sekolah di mana murid-murid perempuan lebih ramai berada di aliran Ekspres yang lebih baik dari segi prestasi akademik), sementara peratus murid perempuan di aliran Ekspres pula ialah 41.4%..

Rajah 2
Taburan Kekerapan Sampel Menurut Tingkatan, Aliran dan Jantina




Jadual 2
Taburan Kekerapan Sampel Menurut Tingkatan, Aliran dan Jantina

Tingkatan	Ekspres		Normal	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Sec 1	29	57	82	76
Sec 2	58	50	85	60
Sec 3	48	51	86	65
Sec 4	36	41	43	28
Sec 5	-	-	50	53
Jumlah	171 (46.22%)	199 (53.78%)	346 (55.10%)	282 (44.90%)

9. Taburan Ujiantara Disposisi Terhadap Pemikiran Kritis (DTPK)

Markat tertinggi yang boleh diperolehi ialah 114. Rajah 3 menunjukkan taburan skala ini.

Rajah 3
Histogram Skala Disposisi Pemikiran Kritis



Statistik utama untuk skala ini diturunkan di Jadual 3. Bentuk taburan adalah normal dengan purata atau Min skala yang diperolehi sebanyak 52.25 sementara sisihan lazimnya (indeks ukuran serakan) ialah 14. Markat maksimum diperolehi sampel ialah 107, sementara markat minimum ialah 3. Julatnya ialah 104. *Skewness* atau kecondongan taburan ini ialah .29 menunjukkan taburan ini cerun sedikit. Piawai Kesilapan Pengukuran (standard error of measurement) yang didapati ialah .44. Ini adalah normal bagi distribusi sebesar ini..

Jadual 3
Statistik Utama IDTPK

Min	52.25	Std Error	.44	Median	52.00
Mod	59.00	Sisihan Lazim	14.00	Varians	196.59
Kurtosis	.98	S E Kurt	.15	Skewness	.29
S E skew	.08	Julat	104.00	Minimum	3.00
Maksimum	107.00	Jumlah	53500.00		

Distribusi normal di atas dipindah dalam bentuk taburan percentil; oleh itu persentil rank markat 69 ialah 90.91, anggaran di persentil 30 bersamaan dengan markat mentah 45. Kecenderungan ranking persentil untuk bertumpu di tengah dan bertaburan di sebelah skil ekstrim menjadikan perlu dilakukan perubahan kepada suatu skil interval, iaitu skor Z dan T yang mempunyai min 50 dan sisihan lazimnya 10. Min dan sisihan lazim bagi setiap peringkat ditunjukkan di bawah ini.

10. IDTPK Menurut Peringkat

Keputusannya ditunjukkan dalam rajah di bawah ini.

Jadual 4
Min and Sisihan Lazim IDTPK Menurut Tingkatan

<u>Tingkatan</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Min</u>	<u>Sisihan Lazim.</u>
Sec 1	264	51.42	14.29
Sec 2	253	51.08	12.76
Sec 3	250	51.41	14.83
Sec 4	154	55.67	14.24
Sec 5	103	54.18	12.98

Analisis varians yang dilakukan untuk peringkat ini menghasilkan Nilai $F = 3.74$ dengan probability .005 yang membuktikan bahawa peringkat sekolah adalah satu faktor pembeza.

11. IDTPK Menurut Aliran

Keputusannya ditunjukkan dalam rajah di bawah ini.

Jadual 5
Min and Sisihan Lazim IDTPK Menurut Aliran

<u>Aliran</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Min</u>	<u>Sisihan Lazim.</u>
Normal	634	51.57	14.97
Ekspres	389	53.45	13.86

Min dan sisihan lazim menurut Aliran pula menunjukkan bahawa responden di Aliran Ekspres memperoleh min yang lebih tinggi iaitu 53.57 berbanding dengan Aliran Normal yang mendapat 51.57 mata. Analisis t pula dilakukan untuk aliran sekolah menengah ini dan hasilnya memberikan Nilai $t = 1.07$ pada aras .05 yang membuktikan bahawa aliran adalah faktor pembeza bagi sikap kritis.

12. IDTPK Menurut Jantina

Keputusannya ditunjukkan dalam rajah di bawah ini.

Jadual 6
Min and Sisihan Lazim IDTPK Menurut Jantina

<u>Jantina</u>	<u>Bilangan</u>	<u>Min</u>	<u>Sisihan Lazim.</u>
Perempuan	482	53.77	12.39
Lelaki	516	50.94	14.32

Apabila perbandingan dilakukan penelitian terhadap prestasi lelaki dan perempuan dalam sampel, didapati bahawa responden perempuan mendapat min sebanyak 53.77 dibandingkan dengan lelaki yang hanya memperoleh 50.94. Jawapan ini signifikan pada aras .001 dengan nilai t 3.22.


Kesimpulan dari standardisasi IDTPK ini menunjukkan bahawa sikap atau kecenderungan terhadap pemikiran kritis wujud dikalangan pelajar dengan satu taburan yang normal iaitu sebahagian besar dari mereka berkelompok di kalangan sederhana, sedikit dalam golongan rendah dan sedikit di kalangan tinggi. Mereka yang dalam kelas / aliran ekspres lebih bersifat kritis dari mereka yang normal, pelajar perempuan lebih bersifat kritis dari pelajar lelaki secara signifikan.

13. Keupayaan Berfikir Secara Kritis

Sekarang marilah kita meneliti pula keupayaan atau kebolehan berfikir secara kritis yang terhasil melalui alatuji iaitu Ujiantara Membaca Secara Kritis yang diulangkaji RMLCRT.

Ujiantara ini direkabentuk berdasarkan model konstruk dalaman seperti yang digambarkan dalam gambarajah berikut.

Gambarajah 7
MODEL KONSTRUK TERAKHIR MEMBACA DAN BERFIKIR
SECARA KRITIS




11. Sampel RMLCRT

Ujiantara RMLCRT di atas yang dipiawaikan dengan menggunakan sampel contohan 1444 orang siswa-siswi sekolah Menengah dari kedua-dua Aliran Ekspres dan Normal. Alatuji ini mempunyai 65 butiran yang mengukur keupayaan membaca dan berfikir secara kritis.

Jadual 7
Taburan Sampel RMLCRT Menurut Tingkatan dan Aliran


<u>Tingkatan</u>	<u>Ekspres</u>	<u>Normal</u>	<u>Jumlah</u>
Sec 1	151 41.8%	211 58.2%	362 25.1%
Sec 2	138 41.9%	194 58.1%	332 23.1%
Sec 3	157 44.5%	196 55.5%	353 24.4%
Sec 4	134 50%	134 50%	268 18.5%
Sec 5	-	129 100.0%	129 8.9%
Jumlah	580 40.2%	864 59.8%	1444

Gambarajah 4
Taburan Sampel RMLCRT Menurut Tingkatan dan Aliran



Taburan sampel contohan menurut tingkatan atau jenjang menengah dan juga distribusi mengikut jantina pelajar ditunjukkan dalam rajah berikut.

Gambarajah 6
Taburan Sampel RMLCRT Menurut Tingkatan, Jantina dan Aliran



Dari jadual di atas boleh diperhatikan bahawa terdapat suatu sampel pelajar yang mewakili (representative) populasi siswa-siswi Melayu di Singapura: Lebih kurang 59.8% pelajar adalah dari Aliran Normal dan 40.2% dari Aliran Ekspres. Jumlah contoh pelajar pula ialah 700 siswi dan 712 siswa.

14. Keputusan Taburan Ujiantara RMLCRT

Taburan keupayaan RMLCRT ini adalah normal dengan perolehan min sebanyak 33.72 dan sisihan lazimnya sekadar 9.64. Skor maksimum ialah 54 sementara skor minimum pula ialah 4. Perolehan mediannya sekitar 34 sedangkan modnya di angka 32.

Jadual 8
Statistik dari Ujiantara Revisi Membaca dan Berfikir Secara Kritis

Min	33.72	Std. error	.257	Median	34.00
Mod	32.00	Sisihan lazim	9.64	Varians	93.65
Kurtosis	-.49	S E Kurt	.129	Skewness	-.197
S E Skew	.064	Julat	54.00	Minimum	4.00
Maksimum	58.00	Jumlah	48697.00		

15. Keputusan Taburan Ujiantara RMLCRT Menurut Tingkatan

Taburan skor yang diperolehi ditunjukkan di Jadual berikut. Didapati keupayaan bertambah mengikut kenaikan tingkatan dari Sec 1 ke Sec 4, kecuali pada Sec 5. Anggaran ini memang sudah dijangkakan memandangkan bahawa siswa-siswi Sec 5 semuanya terdiri dari mereka yang di Aliran Normal. Sisihan lazim bagi distribusi ini ialah 8.9 hingga 10.29, suatu angka yang dianggap wajar.

Jadual 9
Min dan Sisihan Lazim RMLCRT Menurut Tingkatan

<u>Tingkatan</u>	<u>Min Skala</u>	<u>Sisihan lazim Skala</u>	<u>Kesilapan Std</u>
Sec 1	31.69	8.90	.47
Sec 2	32.81	9.00	.49
Sec 3	34.43	10.57	.55
Sec 4	36.11	9.31	.57
Sec 5	34.82	10.29	.91

Keputusan di atas kemudian dianalisis mengikut kaedah analisis Rasch (hasilnya diperlihatkan dalam Rajah 7) dan dari keputusan ini pula baru dilakukan analisis varians untuk melihat sama ada perbezaan ini signifikan. Hasil analisis varians (ANOVA) yang dilakukan terhadap min-min yang didapati menunjukkan bahawa perbezaan ini adalah signifikan dengan Nilai F = 7.42 dengan darjah bebas 4 darjah dan signifikan pada aras .001.

16. Keputusan Taburan Ujiantara RMLCRT Menurut Aliran

Dalam keputusan ini didapati bahawa siswa-siswi dalam aliran Ekspres lebih tinggi pencapaian mereka dari mereka yang di Aliran Normal dengan min 37.54 diperolehi oleh Aliran Ekspres dan hanya 31.19 oleh kumpulan Normal. Jadual berikut menunjukkan keputusan yang diperolehi.

Jadual 10
Min dan Sisihan Lazim RMLCRT Menurut Aliran

<u>Tingkatan</u>	<u>Min Skala</u>	<u>Sisihan lazim Skala</u>	<u>Kesilapan Std</u>
Express	37.54	9.00	.40
Normal	31.19	8.80	.30

Analisis varians (ANOVA) digunakan. Tetapi untuk ini analisis F dilakukan di atas min Rasch dan hasilnya menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan (F = 109.94 dengan 1 darjah bebas pada aras .001).

17. Keputusan Taburan Ujiantara RMLCRT Menurut Jantina

Analisis ujiantara ini menurut jantina pula dilakukan untuk mengetahui sama ada murid-murid lelaki atau perempuan itu mempunyai kebolehan yang sama atau berbeza dalam pemikiran kritis. Hasilnya menunjukkan bahawa secara signifikan, siswilah yang berkeupayaan lebih tinggi iaitu mereka memperolehi min sebanyak 35.44 sedangkan siswa pula memperolehi hanya 31.87.

Analisis t yang dilakukan terhadap min keduanya juga menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara keupayaan kritis siswa dan siswi dengan siswi melebihi kaum siswa.

Jadual 11
Min dan Sisihan Lazim RMLCRT Menurut Jantina

<u>Tingkatan</u>	<u>Min Skala</u>	<u>Sisihan lazim Skala</u>	<u>Kesilapan Std</u>
Boys	31.87	9.56	.36
Girls	35.44	9.48	.36

18. Perkaitan Di Antara Sikap atau Kecenderungan Berfikir Secara Kritis Dengan Keupayaan Berfikir Secara Kritis

Dalam penelitian ini satu subsampel dari kedua-dua sampel standardisasi digunakan; oleh itu bilangannya adalah lebih kecil kerana data ini melibatkan hanya mereka yang menjawab secara penuh kedua-dua ujiantara dan juga satu soalselidik tentang latar belakang peribadi. Kesemuanya 580 responden digunakan dalam analisis data ini.

Jadual 12
Taburan Subsampel Menurut Peringkat dan Aliran dan Jantina.

<u>Peringkat</u>	<u>Ekspres</u>		<u>Normal</u>	
	<u>Siswi</u>	<u>Siswa</u>	<u>Siswi</u>	<u>Siswa</u>
Sec 1	37	20	47	47
Sec 2	41	42	28	49
Sec 3	31	28	44	54
Sec 4	32	19	8	15
Sec 5	-	-	15	23
Total	141 (56.4%)	109 (43.6%)	142 (43.0%)	188 (57.0%)

Untuk mengkaji perkaitan di antara sikap kritis yang diwakili oleh IDTPK dan pencapaian berfikir secara kritis dua jenis analisis dilakukan 1) analisis korelasi Pearson, 2) analisis varians (ANOVA). Hasilnya diperturunkan di sini.

Jadual 13
Korelasi Di Antara Sikap Dengan Kebolehan Berfikir Secara Kritis

	<u>Bacaan / Pemikiran Kritis (RMLCRT)</u>
Sikap (IDTPK) (Melayu)	.18*

Jadual 14
ANOVA Di Antara Sikap Dengan Kebolehan Berfikir Secara Kritis
Bilangan = 580

<u>Sumber</u>	<u>Darjah Kebebasan</u>	<u>Jumlah Gandaan</u> (sum of Square)	<u>Min Gandaan</u>	<u>Kadar - F</u>	<u>Prob. F</u>
<u>Antara kumpulan</u>	70	8239.40	117.63	4.28	.04
<u>Sesama Kumpulan</u>	509	44607.77	87.64		
<u>Jumlah</u>	579	52842.17			

** p = .001

Nilai F yang didapati ialah 4.28 dan signifikan pada aras .04. Oleh itu kedua-dua analisis di atas menunjukkan bahawa ada perkaitan walaupun tidak begitu kukuh di antara sikap dan kebolehan berfikir kritis. Kemungkinan mereka yang bersikap atau cenderung untuk bersifat kritis juga mempunyai kebolehan dalam berfikir secara kritis .

19. Perbandingan antara Korelasi Sikap dan Keupayaan Berfikir secara Kritis dengan Pembolehubah Lain.

Informasi tentang butir-butir peribadi, sekolah dan gred atau markat ujian-ujian yang diambil oleh siswa-siswi ini menjadi sumber data mengenai pembolehubah bagi analisis perbandingan antara dua pembolehubah bersandar ini. Hasil dari kedua-dua kumpulan korelasi diperturunkan dalam jadual berikut.

Jadual 15
Korelasi Di Antara IDTPK dan RMLCRT Dengan Pembolehubah Lain
N = 580

	<u>Jantina</u>	<u>Umur</u>	<u>Keupayaan Umum</u>	<u>Pendidikan Ibu</u>	<u>Bahasa Melayu</u>	<u>Bahasa Inggeris</u>
<u>IDTPK</u>	-.11	.09	.17*	.07	.06	.15*
<u>RMLCRT</u>	-.23**	.12**	.54**	.10*	.22**	.36*

* signifikan pada aras .01

20. Rumusan Penelitian

Hasil dari IDTPK menunjukkan korelasi hampir tidak ada korelasi di antara sikap kritis dengan kebanyakan variabel kecuali dengan keupayaan am dengan bahasa Inggeris. Ini memang telah dijangka kerana, sebagai satu faktor bersifat afektif, sikap kritis biasanya berkaitan secara rendah dengan lain-lain faktor.

Butir-butir penting dari analisis di atas ialah:

- Sikap kritis berkaitan secara signifikan dengan keupayaan umum atau kecerdasan am dan pencapaian dalam bahasa Inggeris. Maksudnya, kemungkinan besar mereka yang berfikir kritis adalah pelajar yang boleh membaca secara kritis (suatu ujian kognitif), memiliki keupayaan am (yang diukur melalui pencapaian dalam peperiksaan) dan berkebolehan menguasai bahasa Inggeris. Kesemua faktor tadi adalah berbentuk kognitif (memerlukan pemikiran).
- Sikap kritis tidak berkaitan dengan jantina, umur, tatatingkat sosio/ekonomi. Dapat dibuat kesimpulan bahawa berdisposisi kritis tidak berkaitan dengan jantina mereka (sama ada mereka lelaki atau perempuan), dengan umur mereka, (sama ada mereka masih muda atau lebih dewasa), dengan kedudukan sosial dan ekonomi mereka (sama ada mereka datang dari keluarga yang berstatus tinggi ataupun rendah. Tidak dapat ditelaah sikap kritis melalui variabel peribadi.
- Sikap kritis tidak berkaitan dengan keupayaan dalam bahasa Melayu. Ini mungkin kerana bahasa Melayu ialah bahasa ibunda mereka yang boleh dikuasai oleh hampir semua orang sama ada mereka akademik - kognitif sesuatu bahasa.

Hasil dari penelitian korelasi keupayaan berfikir secara kritis, RMLCRT pula, didapati bahawa ia berkorelasi secara lebih tinggi dengan semua pembolehubah yang dikaji. Khususnya:

- RMLCRT berkorelasi secara tinggi iaitu $r = .54$ dengan pencapaian am atau kecerdasan yang di sini, diwakili oleh keputusan Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE).
- RMLCRT juga berkaitan secara rapat dengan kebolehan dalam bahasa Inggeris, iaitu $r = .36$ tetapi kurang rapat dengan kebolehan dalam bahasa Melayu, $r = .22$, walaupun keduanya bersifat signifikan.
- Kebolehan Berfikir secara kritis lebih rapat perkaitannya dengan jantina dari sikap Kritis, iaitu $r = .23$ signifikan, berbanding dengan $r = .11$ tidak signifikan untuk sikap.
- Pendidikan ibu juga berkaitan secara signifikan dengan keupayaan berfikir kritis tetapi tidak dengan sikap kritis.
- Umur berkait secara signifikan dengan keupayaan berfikir kritis tetapi tidak berkait secara signifikan dengan sikap kritis.

20. Implikasi yang boleh diambil

Sikap dan kebolehan kritis itu tidak sama, walaupun keduanya mempunyai pertalian secara rendah dan signifikan ($r = .18$). Ada faktor lain yang lebih mempengaruhi *kebolehan* dari sikap. Kebolehan pula berkaitan dengan kecerdasan dan kebijaksanaan seseorang pelajar, ertinya kecerdasan adalah dicirikan oleh kebolehan berfikir secara kritis dari sifat yang cenderung kritis. Oleh itu kalau digalakkan pemikiran kritis mungkin ini boleh membantu pencapaian dalam bidang lain; begitu juga sebaliknya.

Ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa kebolehan berfikir secara kritis atau kemahiran ini dapat dipupuk dan dihasilkan melalui sokongan ibu yang berpendidikan, melalui pembelajaran bahasa Inggeris dan juga bahasa Melayu walaupun pada kadar yang berbeza-beza. Pembelajaran bahasa Inggeris mungkin boleh mempertajam kebolehan berfikir kritis ini sesuai dengan budaya Barat yang menganggap konstuk itu amat penting dalam kemahiran berfikir.

Daripada dapatan tadi, timbul persoalan yang menarik berkenaan dengan isu bahasa dan dengan itu budaya Melayu, dan Inggeris atau Barat. Dalam perbincangan awal telah diketengahkan bahawa pemikiran kritis adalah suatu perkara yang amat penting bagi budaya Barat tetapi mungkin kurang diberatkan dalam budaya Melayu, nampaknya data korelasi ini menyokong pendapat sedemikian, kerana korelasi di antara bahasa Inggeris dengan RMLCRT lebih tinggi dari korelasi bahasa Melayu dengan RMLCRT. Lagipun korelasi di antara IDTPK dengan bahasa Melayu tidak ada, tetapi signifikan walaupun rendah dengan bahasa Inggeris.

Kemungkinan lebih besar bagi mereka yang berkebolehan lebih tinggi dalam bahasa Inggeris, yang mungkin menguasai sekali ciri-ciri kritis Barat, lebih kritis pemikirannya dari mereka yang tinggi prestasi bahasa Melayu mereka.

21. Penutup

Hasil dari penyelidikan perbandingan dengan menggunakan IDTPK telah memberi beberapa petunjuk yang ketara tentang perkaitan diantara pemikiran kritis dengan faktor-faktor sekitaran pelajar yang dikenalpasti. Didapati bahawa pemikiran kritis mempunyai pertalian yang positif dengan perkara yang berkaitan dengan pencapaian am atau akademik termasuk perkara yang ada kena mengena dengan kognisi, tetapi ia mungkin tiada kaitan dengan jantina, umur dan kedudukan sosial seseorang. Andaian bahawa pemikiran kritis sebagai suatu gejala budaya Barat lebih dari keMelayuan dapat dikilas melalui data yang menunjukkan perkaitan lebih erat di antara pemikiran kritis dengan penguasaan bahasa Inggeris dari bahasa Melayu. Tetapi ini tidak bermakna bahawa sokongan dan latihan berfikir secara kritis yang diberi kepada pelajar-pelajar dalam bahasa Melayu, tidak akan mendatangkan manfaat. Faedah dalam yang lebih besar terutama dalam bidang kognitif dapat diperoleh jika sikap dan keupayaan pelajar dalam trait ini digalakkan dan diberi sokongan penuh.

RUJUKAN TERPILIH

- Cohen, Josef. Thinking. Chicago: Rand Mc Nally 1971.
- Crossen, H.J. (1948). Effect of the Attitudes of the Reader upon Critical Reading Ability. Journal of Research, 42, 289 -298.
- Ennis, R.H.; (1964). A definition of Critical Thinking. The Reading Teacher, 17, 599 - 622.
- Ennis, R.H.; (1987). A Taxonomy of Critical Thinking Dispositions and Abilities dlm J.B. Baron and R.J. Sternberg (eds). Teaching Thinking Skills, New York: Freeman.
- Groff, P.J. (1967). Children's Attitude towards Critical Reading and their Critical Reading Abilities in four content-type Materials. Dalam Critical Reading, Eds. King, M.L., Ellinger, B.D. & Wolf, W., Philadelphia: Lippincott.
- Kamsiah Abdullah (1994). The Critical Reading and Thinking Abilities of Malay Secondary School Pupils in Singapore. Tesis PhD University of London. 1994.
- Kamsiah Abdullah (1996b). Berfikir Secara Kritis: Satu percubaan mengukurnya di Kalangan Pelangi Melayu Singapura. Simposium Humoniora III, Yogyakarta 17-18 Oct 96.
- Kamsiah Abdullah. (1993). Maintaining Cultural Values and Identity: The Case of Malay Language Teaching in Singapore at a Symposium on International Perspectives on Culture and Schooling, Institute of Education, London: 11th -13th May 1993.
- Kamsiah Abdullah (1996). Membaca dan Berfikir secara Kritis: Apakah Ertinya - Seminar Bicara Ilmiah NIE, 27 Julai 96. Singapura.
- Kemp, C.G. (1967). Improvement in Critical Reading in Relation to Open-closed Belief system. Dalam Critical Reading, Eds. King, M.L., Ellinger, B.D. & Wolf, W., Philadelphia: Lippincott.
- Lipman, M. (1988). Critical Thinking - what can it be? Educational Leadership, 46 (sept) 51 - 56.
- Lipman, M. (1991). Thinking in Education. New York: Cambridge University Press.
- Marzano, R.J.; Brandt, R.S. Hughes, C.S. Jones, B.F. Presseisen, B.Z.' Rankin S.C. and Suhor, C. (1988). Dimensions of Thinking: A Framework for Curriculum and Instruction: Alexandria, V.A.: association for Supervision and Curriculum Development.
- Muhibbin, M.A. (1996). Hadis-hadis Politik. Gandung, Diah, Bima, Herry, Indonesia.
- Piekarz, J.A. (1967). Attitudes and Critical Reading. Dalam Critical Reading, Eds. King, M.L., Ellinger, B.D. & Wolf, W., Philadelphia: Lippincott.
- Torrance E dan Meyers. R.E. Creative Learning and Teaching. New York: Dodd, Mead, 1970.
- Watson, G & Glaser, E.M. (1980). Watson Glaser Critical Thinking Appraisal, Form A and B Cleveland OH: The Psychological Corporation.
- Wolf, W. King, M.L. Huck, C.S. (1968). Teaching Critical Reading to elementary School Children. Reading Research Quarterly, 4, 435 - 494.
- Worden, T.w. (1981). Critical Reading: Can the skills be measured? Reading Improvement, 18, 4, 278 - 286.